



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
YANG DIWAKILI INSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK
KEBANGSAAN MALAYSIA (NAHRIM) DAN KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG YANG DIWAKILI MAJLIS
PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)**

**03 APRIL 2018 (SELASA)
2.30 PETANG**

**DEWAN AUDITORIUM MPSP
MENARA MPSP, BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datuk Ir. Dr. Azuhan Bin Mohamed

Ketua Pengarah

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pengarah-Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, saya lafazkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) Dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diwakili oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat dilaksanakan pada petang ini.

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia atau singkatannya NAHRIM ialah sebuah institut kerajaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia yang menerajui dalam penyelidikan dan perundingan hidraulik dan persekitaran air. NAHRIM menawarkan perkhidmatan perundingan kepakaran dalam semua bidang kejuruteraan hidraulik termasuk kejuruteraan sungai, kejuruteraan pantai / pelabuhan, pembangunan sumber air dan kualiti air dan alam sekitar.

Ini merupakan kali pertama, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan

Malaysia (NAHRIM) dilaksanakan. MoU ini adalah *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *philosopher partnership* MPSP telah berjaya bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) untuk Penyelidikan Pengurusan Kualiti Air, Sekuriti dan Kelestariannya.

Memorandum Persefahaman ini ditandatangani bertujuan untuk perkongsian data serta maklumat bagi membangunkan pelan induk dan memperkukuhkan kerjasama dalam bidang sumber dan persekitarannya, lembangan sungai, tasik dan pantai. Skop kerjasama adalah meliputi:-

- i. Penggunaan fasiliti / instrumen bertaraf dunia.
- ii. Kolaborasi penyelidikan.
- iii. Perundingan dan khidmat nasihat.
- iv. Pemindahan teknologi dan latihan.

Saya berpendirian bahawa Majllis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini bukan merupakan awalan kepada kerjasama antara

dua organisasi NAHRIM dan MPSP, tetapi lebih sebagai pembuka jalan dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama yang lebih jauh ke arah meremajakan sungai dan mengekalkan habitat kehidupan di sekitar lembangan sungai.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Kesungguhan MPSP dalam memelihara dan memulihara sungai bagi mencapai visi "*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi*" terbukti melalui program *outreach* yang telah diadakan. Dua program dalam bulan Mac yang telah diadakan dengan jayanya adalah:-

1. Environment Conservation Awareness Event 2018 pada 24 Mac 2018 yang memperlihatkan program rawatan kualiti air Sungai Derhaka Taman Tunku di Seberang Jaya dengan *EM MudBalls*. Program ini diadakan sempena sambutan Hari Air Sedunia 2018 (*World Water Day 2018*) pada 22 Mac 2018. Sambutan Hari Air Sedunia ini dengan tema "*Nature for Water*" adalah sejajar dengan aspirasi Seberang Perai untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Sambutan ini adalah bertujuan bagi menggalakkan warga Seberang Perai untuk memahami

kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menghayati keperluan penjimatan dan pemeliharaan sumber air.

Sebagai satu langkah ke arah mencapai Bandaraya Rendah Karbon dan bersempena Sambutan Hari Air Sedunia, MPSP melancarkan borang akujanji atas talian (*Online Pledge Form*) bagi penjimatan air. Borang akujanji ini boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi MPSP dan Laman Facebook Rasmi MPSP. Borang akujanji ini akan dibuka untuk capaian dalam tempoh satu (1) bulan bermula 22 Mac 2018 hingga 20 April 2018. Hasil analisa dan resolusi yang diperolehi dari inisiatif ini akan dikemukakan semasa Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2018. Susulan daripada akujanji ini, MPSP akan membuat pemantauan berkala ke atas warga Seberang Perai yang menandatangani akujanji ini ke arah memastikan penjimatan air dapat dilaksanakan di Seberang Perai.

2. Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar yang diadakan pada 31 Mac 2018 bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan sungai dan meraikan sungai-sungai di Seberang Perai, terutamanya Sungai Perai. Perayaan ini diadakan sempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 (*International Day of Action for Rivers 2018*) yang di adakan pada 14 Mac setiap tahun.

Matlamat Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 adalah untuk meraikan nilai-nilai sungai yang sihat, dan mendidik serta menyebarkan kesedaran kepada orang ramai mengenai pemuliharaan tadahan air atau lembangan sungai dan kepentingan pengurusan sungai dan saluran air yang adil dan mampan.

Antara acara-acara menarik yang diadakan sepanjang perayaan tersebut adalah:-

- Demonstrasi dan Bengkel 'Water Quality Testing Kit' oleh 'Water Watch Penang'.
- Bengkel Seni Eco Untuk Kanak-kanak bawah 12 tahun.
- Segmen Seni Kitar Semula Kanak-Kanak dan Dewasa.
- Program Pengenalan dan Pembersihan Sungai Perai yang membawa pengunjung menyelusuri sepanjang Sungai Perai dari Jeti Taman Kimsar ke Taman Burung.
- Pameran Eco Hidupan Liar di Sungai Perai.

Aktiviti yang dilaksanakan merupakan satu langkah dalam merealisasikan impian untuk menjadikan sungai ini lebih bersih dan sesuai sebagai satu tempat perkelahan keluarga. Kita mengimpikan Sungai Perai ini satu hari nanti, boleh menjadi satu lokaliti di mana ahli keluarga boleh duduk berkelah bersama sambil menikmati keindahan air sungai ini.

MPSP dengan kerjasama Think City dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta akan menampilkan sejumlah acara dan aktiviti setiap tahun untuk menjadikan Sungai Perai sebagai tempat yang lebih menarik untuk penggemar kesihatan dan riadah yang menyeronokkan untuk seluruh keluarga.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Program Penyelidikan Pengurusan Kualiti Air, Sekuriti dan Kelestariannya yang akan dilaksanakan melalui Memorandum Persefahaman ini bertujuan membangunkan Pelan Pengurusan dan Pembangunan bagi dua (2) lembangan sungai di Seberang Perai ke arah pemuliharaan, pengurusan dan mengembalikan semula eko sistem semulajadi sumber air sungai. Dua (2) lembangan sungai yang dipilih adalah Sungai Junjung dan Sungai Juru:-

- i. Sungai Junjung adalah 20.87 km panjang dan mempunyai lembangan dengan keluasan 133 km², dengan sebahagian daripada hulu Sungai Junjung terletak di Negeri Kedah.
- ii. Sungai Juru pula adalah 9.5 km panjang dengan lembangan seluas 79.3 km².

NAHRIM akan membangunkan pelan-pelan induk iaitu:-

- i. Pelan Induk Ke Arah Banjir Sifar.
- ii. Pelan Induk Pelaksanaan *Total Maximum Daily Load* (TMDL).
- iii. Pelan Induk Hidraulik Saliran Bandar.
- iv. Pelan Induk Pengurusan Hakisan
- v. Enapan Sungai Serta Pelan Induk Pengurusan Muara Sungai.

Bagi tujuan penyediaan pelan induk ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM2,347,576.70 kepada pihak NAHRIM dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Projek ini telah pun bermula pada September 2017 dan dijangka siap pada tahun 2019. Peruntukan yang disediakan adalah bertujuan untuk pengumpulan maklumat serta data yang komprehensif meliputi ciri-ciri dan morfologi sungai, keadaan semasa dari segi kuantiti (hidrologi dan hidraulik) sungai, kualiti air sungai, aktiviti guna tanah di dalam lembangan sungai dan bentuk muka bumi.

MPSP akan membantu pihak NAHRIM dalam menyediakan maklumat / data projek pembangunan dan infrastruktur untuk melengkapkan penyediaan pelan induk. Hasil daripada pelan induk ini akan digunakannya oleh MPSP dan Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai rujukan dan sumber maklumat dalam menguruskan sumber air secara professional.

Pelan induk ini akan membantu MPSP dan pihak berkepentingan dalam merancang, mengurus pembangunan secara bersepadu serta menangani masalah banjir dan pengurusan sistem pamaritan bagi memastikan kelestarian sumber air demi keseimbangan kualiti hidup rakyat dan pembangunan negara. Selain itu, ia juga mampu

mewujudkan persekitaran lembangan sungai yang terpelihara ke arah peningkatan ekonomi, sosial dan pemeliharaan alam sekitar. Kajian ini bersesuaian dengan Visi MPSP iaitu “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi*”.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat ke arah termeterainya Memorandum Persefahaman pada petang ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata saya ini, saya amat berharap yang permeteraian Memorandum Persefahaman ini akan merencanakan bidang-bidang kerjasama yang sedia ada di antara dua organisasi ini di samping menjana kerjasama yang baru yang memberi impak dan manfaat kesejahteraan hidup ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022 dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.